

11/03/2004

Pelajar Beijing hayati budaya Melayu

PERSEMBAHAN Kebudayaan Melayu-Cina mempamerkan kesungguhan pelajar Beijing Foreign Studies University (BFSU), China, mempelajari budaya Melayu dan menghayatinya menerusi lenggok tari, nyanyian dan deklamasi puisi.

Pelajar perempuan berbaju kurung dan berkebaya, manakala lelaki berbaju Melayu serta bersamping mencuit hati sebahagian besar khalayak yang memenuhi Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), baru-baru ini.

Tiga pelajar tahun dua dan tiga, Program Bahasa Melayu, BFSU, bergabung tenaga mendeklamasikan sajak karya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed, Keranamu Malaysia.

Meskipun semua pelajar Program Bahasa Melayu, BFSU, masing-masing mempunyai nama dan berpakaian Melayu tetapi terasa lucu apabila mendeklamasikan puisi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, Damai Abadi, khususnya pada bait:

Aku cari bukan kawan-kawan
Untuk hidup sekadar berfoya-foya
Aku cari mana dia al-Ghazali
Aku cari mana dia al-Shafie
Kita bongkar rahsia kitab suci
Cari pedoman
Kita bongkar rahsia sunnah Nabi
Cari panduan
Aku hidup kerana dia Rabbi
Dialah teman
Dialah wali...

Adalah lebih baik sekiranya penganjur, DBP, yang juga tuan rumah program sempena 30 tahun hubungan Malaysia-China, membimbing tamu dalam memilih puisi yang lebih sesuai dan manis untuk dideklamasikan orang bukan Islam.

Tidak ketinggalan pelajar BFSU nampaknya begitu seronok apabila berada di pentas ketika mempersembahkan Joget Brunei, Joget Melayu, Tarian Endang dan Tarian Wau Bulan, manakala khalayak lebih tercuit dengan gelagat mereka.

Sesetengah pelajar lelaki yang berbaju Melayu lengkap bersongket tanpa songkok dan sesetengahnya songkok tertenggek kerana ukurannya terlalu kecil (kemungkinan acara diatur pada saat akhir) serta menari dengan kebimbangan songkok di kepala akan jatuh.

Pelajar BFSU turut bergabung tenaga dengan Kumpulan Dikir Barat Sri Dagang dan menyampaikan beberapa buah lagu seperti Suriram dan Masihkah Kau Ingat dalam loghat Kelantan.

Penyampaian bersahaja pelajar BFSU selaku juara dalam persembahan dikir barat itu menyebabkan khalayak tersenyum sendiri dengan kebolehannya berloghat Kelantan dan awak-awak yang terangkat lutut mereka, setiap kali bertepuk tangan ke kiri dan ke kanan.

Seorang lagi pelajar BFSU yang bertindak sebagai juara menyampaikannya lagu dikir barat dalam bahasa Mandarin dan pelajar Sekolah Menengah Perempuan Kuan Cheng, memberi sokongan moral dengan turut bertepuk tangan mengikut rentak lagu.

Seorang pelajar BFSU, Zamrud, menyampaikan lagu dalam bahasa Mandarin yang sangat merdu dan mendapat reaksi daripada khalayak apabila mereka sama-sama bertepuk tangan mengikut rentak lagu.

Pelajar BFSU turut mempersembahkan dua tarian klasik yang popular di

Selatan China, Tarian Merak dan tarian Etnik Thai, dalam lenggok mengasyikkan terutama khalayak lelaki kerana kelembutan penari wanitanya.

Majlis Kebudayaan Melayu-Cina turut diserikan pelajar Sekolah Menengah Perempuan Kuan Cheng yang mempersembahkan koir, deklamasi puisi dan Tarian Dikir Puteri berasakan lagu nyanyian Noraniza Idris.

Kareografer Tarian Dikir Puteri sewajarnya mengelakkan penarinya daripada memakai leotard yang dibelitkan dengan pario pada paras dada kerana ia tidak membawa imej budaya Melayu dan bimbang akan disalahertikan dan dibawa ke pentas luar Malaysia.

Bagaimanapun secara keseluruhan persembahan kebudayaan Malaysia-China yang dihadiri Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Kiat dan Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, satu permulaan yang membanggakan.